

Gerakan sedia bekerjasama dengan MCA'

KUALA LUMPUR, Ahad — Gerakan sedia bekerjasama dengan MCA jika 'MCA mempunyai kejujuran.'

Presiden Gerakan, Dr. Lim Keng Yaik ketika menegaskan demikian berkata, "usaha ke arah kerjasama tersebut mestilah datang dari kedua belah pihak, bukan sebelah pihak saja."

Beliau berkata, memang benar perpaduan penting dalam Barisan Nasional memandangkan pilihanraya umum tidak berapa lama lagi.

"Tetapi MCA mesti mempunyai sifat jujur dan mendisiplinkan ahli-ahlinya terlebih dulu. Ini memandangkan ketia-

daan disiplin di kalangan parti MCA menyebabkan perlumbaan berlaku antara kedua parti," tambahnya.

Dr. Lim berkata demikian kepada pemberita selepas mem-pengerusikan mesyuarat jawatankuasa parti di sini hari ini.

Menurutnya, ahli-ahli Gerakan memang mempunyai disiplin dan "kami tidak akan melaung-laungkan sesuatu."

Mesyuarat jawatankuasa agung parti itu juga membincangkan masalah pilihanraya umum akan datang, kurikulum 3M dan juga penubuhan Pergerakan Wanita parti itu sendiri.

Mengenai pembahagian kerusi dalam pilihanraya umum, Dr.

Lim berkata, adalah perlu pembahagian kerusi itu berlandaskan perkembangan parti itu sejak setahun lalu.

Katanya, partinya juga bersetuju menyerahkan budibicara pucuk pimpinan Barisan Nasional untuk menentukan simbol apa yang akan digunakan dalam pilihanraya umum nanti.

"Gerakan bersedia menerima apa jugag perkembangan yang mungkin timbul.... kita mengkaji semua aspek sekarang," katanya.

Dr. Lim menyeru ahlinya bertenang dalam menghadapi pilihanraya umum akan datang ini dan menghindarkan dari pergeseran ketika merebut jawatan dalam bahagian dan cawangan.

Mesyuarat itu melantik Naib Presidennya, Datuk Michael Chen memengerusikan jawatankuasa kecil mengkaji pelaksanaan 3M.

Manakala Pergerakan Wanita Gerakan yang akan dilancarkan awal bulan depan akan diketuai oleh Ketua Wanita dari Perlis, Puan Ooi Ah Lan.